

Bersatu elak perang dunia keempat

Oleh IZWAR ABDUL WAHID
(WARTAWAN UTUSAN)

HARI ini berlangsungnya Forum Keamanan Sejahtera Perdana 2006 lanjutan daripada forum pertama yang dianjurkan oleh Yayasan Kepimpinan Perdana akhir tahun lepas.

Forum kali ini tidak lari daripada membincangkan perihwal perang dan kesannya ke atas keamanan dunia serta mengambil kira ribuan nyawa yang terkorban.

Bagaimanapun forum kali ini akan mengemukakan pelbagai bukti tentang perancangan Amerika Syarikat (AS) dan sekutunya untuk melancarkan Perang Dunia Keempat (WW4).

Perang itu mungkin belum disedari oleh banyak pihak kerana penyamaran yang digunakan oleh kuasa besar itu berjaya mengaburi mata penduduk dunia sekali gus menghalalkan setiap pembunuhan yang dilakukan.

Sebagaimana kata Penyelaras Aman Malaysia, Datuk Mukhriz Mahathir, alasan memerangi keganasan telah menyebabkan beribu nyawa orang awam terkorban. Jauh berbeza dengan hakikat perang sebelum ini yang hanya mengorbankan tentera.

Atas alasan tidak munasabah katanya, AS menyerang Iraq serta Afghanistan bagi menghapuskan senjata pemusnah be-

sar-besaran (WMD) dan memerangi keganasan.

"Tragedi 11 September dikatakan mempunyai hubung kait dengan Al-Qaeda sedangkan semua yang ditahan adalah warga Arab Saudi, kenapa pula Afghanistan diserang," katanya.


Perkara sama berlaku terhadap Iraq apabila dituduh menghasilkan WMD tetapi akhirnya hanya kilang susu serta stor simpanan barangan makanan dibom.

Beberapa pihak yang mempunyai bukti turut menyamakan kemusnahan Pusat Dagangan Dunia (WTC) sebagai Pearl Harbour Kedua yang menjadi alasan kepada AS menunjukkan kuasa bagi mencorak dunia mereka sendiri.

Menurut Mukhriz, bukti berkenaan bukan sesuatu yang rahsia tetapi ia dilafazkan secara terbuka melalui ucapan, kenyataan dan buku.

"Kita akan dedahkan pada dunia apa yang dia buat, apa doktrin mereka, dasar dan perancangan masa depan. Ini bukan yang kita tuduh tetapi itu yang dicapkan oleh mereka dalam ucapan, buku dan kenyataan," katanya.

Corak perang sekarang sudah berbeza dengan WWII yang hanya melibatkan askar



21 - 22 Jun 2006

menentang askar di medan perang.

Perang moden dan canggih kini tanpa rasa bersalah jauh sekali berdosa menyaksikan kerakusan kuasa besar menceroobh penempatan awam sehingga mengorbankan kanak-kanak, wanita dan warga tua.

Namun alasan pasti ada, *collateral damage* sering diungkap bagi menenangkan keadaan. Ini alasan yang digunakan dan dunia mematuhinya.

Perang kali ini bukan hanya melibatkan negara yang diserang tetapi seluruh dunia kerana kempen anti-keganasan telah membuatkan dunia bersetuju dengan tindakan AS.

Malah amaran awal tentang kemungkinan berlakunya perang nuklear telah dibuat oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang turut tidak menolak Iran sebagai sasaran seterusnya.

Aman Malaysia selaku organisasi penyokong kepada Forum Keamanan Sejahtera Perdana, kini aktif mempromosikan kempen menghentikan WW4 di dalam dan luar negeri.

Usaha mereka turut mendapat kerja-

um - 2016 / 2006

sama pelbagai badan bukan kerajaan dalam dan luar negara termasuk dari AS sendiri ekoran kerajaan George W. Bush yang sering menggunakan nama rakyatnya untuk melakukan penaklukan.

Sehubungan itu Aman Malaysia cuba untuk menyedarkan masyarakat tempatan dan dunia agar menolak peperangan ini yang mungkin berlarutan bertahun-tahun seperti mana perang dingin antara Amerika Syarikat (AS) dan Rusia.

Forum dua hari itu berlangsung dalam suasana dunia masih tertanya-tanya apakah agenda AS dan sekutunya untuk menguasai dunia dan negara manakah yang akan diporak-perandakan selepas ini.

Bertemakan Perang Satu Jenayah, Hentikan WW4, para peserta forum antara lain akan membincangkan antara lain tajuk Agenda Timur Tengah: Minyak, Penguasaan Dolar dan Islam.

Dr. Mahathir akan menyampaikan ucap-tama pada persidangan yang turut disertai oleh beberapa penceramah terkemuka antaranya Profesor Undang-undang Universiti Illinois, Francis A. Boyle; Pengasas dan Presiden Institut Penyelidikan Polisi Nuklear (NPRI), Dr. Helen Caldicott, dua bekas Penolong Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Dennis Halliday dan Hans Von Sponneck serta Mukhriz sendiri.